

RABU 07/10/12 .

## Tanaman pesisir diteruskan

**K**UANTAN: Jabatan Perhutanan Negeri akan meneruskan projek tanaman pesisir pantai membabitkan pokok rhu, jambu laut dan bintangor laut di daerah ini, Pekan dan Rompin seperti yang dicadangkan kerajaan.

Timbalan Pengarahnya, Norhaidi Yunus, berkata selepas kejadian tsunami pada 2004 kerajaan menyediakan peruntukan khas bagi menjayakan projek tanaman pesisir pantai di seluruh negara.

Menurutnya, kejadian hakisan disebabkan ombak dan fenomena air pasang besar yang berlaku setiap tahun dapat dikurangkan dengan adanya tanaman pesisir pantai.